

Konflik Negeri-Persekutuan dalam Isu Royalti Petroleum di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Seberang Takir, Kuala Nerus, Terengganu

Conflicts of State-Federal in Petroleum Royalty Issues in The State Constituency Area of Seberang Takir, Kuala Nerus, Terengganu

Ainin Najwa Mazlan
¹Junaidi Awang Besar

Program Geografi
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence email: 1jab@ukm.edu.my

Article history:

Received date: 30.06.2025

Revised date: 24.07.2025

Accepted date: 10.08.2025

Published date: 30.08.2025

ABSTRAK

Isu Royalti Petroleum di Malaysia sering menjadi tumpuan perdebatan walaupun peruntukan mengenai hasil petroleum telah termaktub dalam perjanjian antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Pelaksanaan dan Pengagihan royalti tersebut kerap mencetuskan konflik politik yang kompleks sehingga melibatkan perbezaan tafsiran terhadap undang-undang sedia ada dan turut dipengaruhi oleh dinamik kuasa antara parti politik Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Justeru itu, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis konflik politik dalam isu royalti petroleum di kawasan DUN Seberang Takir, Kuala Nerus, Terengganu. Kajian ini menggunakan kaedah mengumpul data lapangan yang melibatkan temu bual dan pemerhatian di lapangan. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat kefahaman yang meluas tentang royalti petroleum termasuklah isu yang diketengahkan oleh Kerajaan Negeri iaitu hak penerimaan dan kaedah pengagihan dan penerimaan bayaran royalti. Faktor isu royalti petroleum ini dipolitikkan kerana perbezaan pemerintahan parti politik Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri serta disabitkan dengan politik dendam ke atas kuasa pemerintahan parti pembangkang. Bagi impak isu royalti petroleum terhadap pilihan undi pula, isu ini tidak memberi perubahan drastik terhadap pilihan politik mereka dan akan terus menyokong pemerintahan yang mementingkan hak kebajikan seluruh rakyat negeri. Akhir sekali, PN akan kekal memerintah pada peringkat Negeri Terengganu pada PRU-16 akan datang dan gabungan BN dan PH juga masih akan mengekalkan pemerintahan mereka pada peringkat nasional. Kesimpulannya, kajian ini membantu dalam meluaskan ilmu pengetahuan politik dan isu semasa yang berlaku dalam negara serta perbezaan ideologi dan dinamik kuasa pemerintahan antara parti-parti politik di Malaysia. Kajian ini juga boleh menjadi rujukan politik pada masa hadapan dan diharap agar konflik penindasan kuasa dan tuntutan hak dapat diteliti dengan lebih baik demi kebaikan seluruh rakyat Malaysia.

Kata kunci: Royalti Petroleum, Fahaman Politik, Perbezaan Ideologi, Parti Politik, Pilihan Politik

ABSTRACT

The issues of Petroleum Royalty in Malaysia is often being the main focus of debate even though provisions on petroleum revenue have been enshrined in agreements between the State and Federal Government. The implementation and distribution of these royalties often spark complex political conflicts that involve difference in interpretation of existing laws and are also influenced by the power dynamics between the political parties of the State and Federal Government. Therefore, the purpose of writing this article is to analyze the political conflicts of petroleum royalty issues in the constituency area of Seberang Takir, Kuala Nerus, Terengganu. This study uses field data collection methods involving surveys, interviews and field observations. The results of the study found that there was understanding of petroleum royalties, including the highlighted issues by the State Government, namely the right to receive and the method of distribution and receipt of royalty payments. The factors that politicized the petroleum royalty issues was due to the difference in political parties ruling the Federal Government and the State Government, also was convicted of political revenge on the ruling power of the opposition party. As for the impact of the petroleum royalty issues on vote choice, this issue did not drastically change their political choices and would continue to support a government that prioritized the welfare rights of all the people of the state. Finally, PN would remain in power at the Terengganu State level in the upcoming GE-16 and the BN and PH coalition would also still maintain their rule at the national level. In conclusion, this study helps in expanding political knowledge and current issues occurring in the country as well as ideological differences and power dynamics between political parties in Malaysia. This study can also be a political reference in the future and it is hoped that the conflict of power oppression and rights demands can be better examined for the benefit of all Malaysians.

Keywords: *Petroleum Royalty, Political Understanding, Ideology Differences, Political Parties, Political Choice*

1. Pengenalan

Royalti petroleum adalah pembayaran yang diterima oleh kerajaan atau pemilik sumber dari syarikat minyak dan gas sebagai balasan untuk hak mengeksploitasi dan mengeluarkan sumber galian yang terdapat dalam tanah atau kawasan maritim. Royalti ini merupakan salah satu sumber pendapatan penting bagi kerajaan dan memainkan peranan yang signifikan dalam ekonomi negara. Kerajaan juga haruslah mengakui bahawa hasil bayaran daripada sumber galian itu perlu digunakan bagi kemudahan orang ramai termasuk masyarakat setempat. Dalam konteks pembayaran royalti petroleum di Malaysia, struktur pembayaran royalti ini berbeza-beza di antara setiap negeri pengeluar minyak. Terdapat beberapa negeri yang menerima royalti secara langsung sementara beberapa negeri yang lain mungkin menerima "wang ehsan" yang dianggap sebagai bantuan daripada Kerajaan Pusat. Perbezaan ini sering menimbulkan ketegangan hubungan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat iaitu isu ini dianggap sebagai tiada keadilan dalam pengagihan pembayaran hasil galian tersebut.

Isu royalti petroleum di negeri pengeluar minyak seperti Sarawak, Sabah, dan Kelantan telah menjadi topik perdebatan hangat, dengan perbezaan dalam tuntutan dan pendirian antara kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan. Di Sarawak, kerajaan negeri telah lama menuntut agar royalti petroleum dinaikkan daripada lima peratus kepada 20 peratus, dengan alasan bahawa negeri ini berhak mendapat lebih banyak hasil daripada sumber alam semulajadinya. Sarawak berpendapat bahawa, sebagai negeri pengeluar utama minyak, ia berhak menikmati lebih banyak faedah

ekonomi daripada hasil minyak yang dieksploitasi. Pada tahun 2018, Sarawak telah mula mengenakan cukai ke atas pengeluaran petroleum di negeri itu sebagai usaha untuk meningkatkan pendapatan negeri, walaupun masih dalam perdebatan mengenai peruntukan royalti yang adil.

Sabah, sebagai salah satu negeri pengeluar minyak utama di Malaysia, turut mengalami isu yang serupa. Namun, Sabah lebih menekankan pada tuntutan supaya royalti yang diterima dinaikkan dan tidak hanya bergantung kepada pemberian dana khas daripada kerajaan Persekutuan. Berbeza dengan Sarawak yang sudah mula mengenakan cukai, Sabah lebih menumpukan pada perubahan dasar yang melibatkan pengagihan royalti yang lebih adil. Pada tahun 2020, Ketua Menteri Sabah, Shafie Apdal, menegaskan bahawa negeri tersebut tidak mendapat manfaat yang setimpal berbanding jumlah hasil minyak yang dikeluarkan. Sabah turut mengemukakan hujah bahawa hak untuk mendapatkan royalti yang lebih tinggi sepatutnya berdasarkan perjanjian yang lebih jelas dan bukannya sekadar mengharapkan pemberian khas daripada kerajaan pusat.

Sementara itu, Kelantan menghadapi konflik yang berbeza berbanding Sarawak dan Sabah, walaupun turut berada di bawah isu royalti petroleum. Kelantan mendakwa bahawa mereka tidak mendapat royalti yang setimpal, walaupun minyak dikeluarkan di luar pesisir pantai negeri tersebut. Ketika isu ini semakin panas, Kelantan mempersoalkan kewajaran royalti yang diberikan kepada kerajaan pusat, yang menurut mereka sepatutnya diterima oleh negeri itu sebagai pemilik sumber minyak. Dalam kes Kelantan, tuntutan royalti bukan sahaja melibatkan soal kewangan, tetapi juga hak negeri terhadap sumber alam yang berada dalam kawasan yang dianggap sebagai zon ekonomi mereka. Isu ini memperlihatkan ketidakseimbangan dalam pembahagian hasil antara kerajaan negeri dan pusat, yang membawa kepada ketegangan dalam hubungan politik dan ekonomi.

Oleh hal yang demikian, pengetahuan dan kefahaman masyarakat terhadap isu royalti petroleum ini haruslah dikenalpasti, faktor isu royalti petroleum dipolitikkan juga perlu dikaji dan impak isu royalti petroleum ini terhadap pilihan parti politik masyarakat di kawasan kajian patutlah dianalisis. Justeru itu, tujuan penulisan makalah ini adalah untuk menganalisis konflik politik dalam isu royalti petroleum di kawasan DUN Seberang Takir, Kuala Nerus, Terengganu. Analisis ini akan menjelaskan ruang lingkup kajian dan seterusnya mendorong pelaksanaan kajian bagi memenuhi tiga objektif khusus yang telah digariskan.

2. Tinjauan Literatur

Kajian lepas daripada buku, jurnal, tesis, laporan, akhbar, prosiding dan juga kajian terkini yang pernah dikaji oleh pengkaji sebelumnya digunakan bagi ulasan literatur. Kesemua sumber ini merupakan kajian ilmiah yang kritis untuk menjawab permasalahan kajian mengikut isu tertentu. Umumnya terdapat banyak kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji luar negara dan dalam negara mengenai politik pilihan raya untuk bahan bacaan kepada pelbagai pihak. Justeru, bahagian ini akan menjelaskan kajian lepas berkaitan politik pilihan raya luar negara, dalam negara dan di negeri kajian iaitu Terengganu.

Bagi kajian politik pilihan raya luar negara, menurut kajian menurut kajian Alex et al. (2011) menyatakan bahawa pembangunan Nigeria yang agak perlahan sering dikaitkan dengan “sumpahan” iaitu negara tersebut telah melemahkan sendiri daya akauntibiliti untuk kepuasan pembangunan dan ahli politik sehingga mereka mampu memanipulasi organisasi tertentu demi mengekalkan kuasa tadbir terhadap golongan miskin. Aniefiok et al. (2013) pula yang juga melaksanakan kajian di Nigeria menerangkan bahawa penerokaan dan pengeluaran petroleum di

Rantau Delta Niger dan eksport minyak dan gas oleh sektor petroleum telah meningkatkan ekonomi negara dengan ketara dalam tempoh lima dekad yang lalu. Walau bagaimanapun, aktiviti yang berkaitan dengan penerokaan petroleum, pembangunan dan operasi pengeluaran tempatan mempunyai kesan yang memudaratkan dan ketara terhadap atmosfera, tanah dan sedimen, permukaan air dan air bawah tanah. Andrew et al. (2014) mempersoalkan mengapa sesebuah negara sanggup membelanjakan begitu banyak wang sebagai subsidi penggunaan petroleum. Kajian ini berpendapat bahawa kerajaan di negara yang mempunyai syarikat petroleum nasional menggunakan subsidi tersebut untuk mengurangkan kesan kenaikan harga minyak. Kajian Guteriano (2018) di Timor-Leste pula menerangkan bahawa petroleum merupakan sebahagian daripada sejarah gelap penduduk di Timor-Leste kerana telah memberikan harapan dan impian palsu kepada mereka untuk memajukan pembangunan dan membentuk masa depan negara. Terry (2022) juga membincangkan dalam kajian beliau bahawa transformasi struktur pentadbiran Venezuela kepada sistem demokrasi dan pembentukan pakatan pihak berkuasa elit adalah disebabkan oleh sumber asli petroleum pada tahun 1958.

Kajian politik dalam negara pula, Berdasarkan kajian Zailanni (2017) menyatakan bahawa hasil minyak yang juga dikenali sebagai emas hitam adalah antara faktor utama yang mencetuskan konflik kerajaan pusat dan negeri. Hal ini kerana kerajaan negeri tidak berpuas hati dengan pembahagian royalti minyak yang hanya diberikan sebanyak lima peratus sahaja dan selebihnya diambil oleh Kerajaan Pusat. Kajian Hussain et al. (2018) yang juga melaksanakan kajiannya di Kelantan menyatakan bahawa petroleum merupakan salah satu sumber utama yang menjana pembangunan dan ekonomi serta merupakan faktor utama dalam isu politik di negara maju dan negara membangun. Hakikat bahawa Malaysia merupakan sebuah negara Persekutuan yang kaya dengan sumber bahan mentah seperti rizab petroleum juga telah mencetuskan konflik antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Berdasarkan kajian Suzanne, A. Rahman dan Bilcher (2018) menyatakan bahawa Akta Kemajuan Petroleum 1974 (PDA 1974) membolehkan Petronas ditubuhkan dan memberikan hak eksklusif kepada perbadanan ini untuk mengawal semua aktiviti eksplorasi dan eksploitasi minyak di Malaysia. Namun begitu, Sarawak telah menjadikan isu pembayaran hasil royalti minyak sebagai alat bagi menuntut jumlah peratusan royalti dengan lebih tinggi sehingga menimbulkan perdebatan. Junaidi (2019) pula menyatakan bahawa keputusan PRU 2018 yang dilihat 'luar biasa' ini menunjukkan bahawa wujudnya satu 'gelombang' atau kebangkitan rakyat/pengundi yang dilihat sebagai '*silent voters*' telah meranapkan penguasaan BN terhadap Kerajaan Malaysia sejak 63 tahun yang lalu. Kajian Fahlizah dan Rizal (2024) menyatakan hubungan rapat antara kerajaan negeri Sabah di bawah kepimpinan Barisan Nasional (BN) dianggap memberi kelebihan kepada kerajaan pusat untuk menuntut royalti minyak melebihi lima peratus.

Bagi kajian politik di Negeri Terengganu pula, Ilyas et al. (2018) membincangkan bahawa transformasi budaya politik masyarakat Melayu di Terengganu yang dimanifestasikan selepas terjadinya peristiwa pemecatan Anwar Ibrahim. Pemecatan tersebut telah melahirkan satu gelombang penentangan masyarakat Melayu Terengganu terhadap UMNO-BN dan dapat dilihat menerusi anjakan sokongan masyarakat daripada UMNO-BN kepada PAS dan menunjukkan bahawa pembangunan merupakan faktor utama yang mempengaruhi pembentukan budaya politik Melayu di Terengganu sebelum dan selepas PRU ke-10. Kajian Ilyas et al. (2018) iaitu "Pendekatan Teori Pilihan Rasional: Analisis Terhadap Budaya Politik Melayu Terengganu" juga menyatakan yang sambutan masyarakat Melayu Terengganu terhadap parti politik bukan dominan selain UMNO dan PAS adalah kurang menggalakkan. Kajian ini mendapati bahawa pergolakan politik telah membawa kepada kebangkitan kesedaran sivil rakyat menyebabkan ketaatsetiaan

tidak lagi diberikan secara semberono bahkan telah berubah daripada nilai materialis yang mementingkan kemewahan dan kemajuan kebendaan kepada kecenderungan baru seperti urus tadbir yang baik dan adil. Ilyas (2022) juga menerangkan bahawa politik Terengganu sebelum PRU ke-10 menyaksikan sokongan pengundi terhadap UMNO-BN begitu kukuh dan dominan namun, keputusan pasca PRU ke-10 menunjukkan UMNO dan parti oposisi khususnya PAS mempunyai peluang yang seimbang untuk membentuk kerajaan di Terengganu. Kajian mendapati bahawa pembangunan merupakan faktor utama yang mempengaruhi pembentukan budaya politik Melayu di Terengganu sebelum dan selepas PRU ke-10. Menurut kajian Diyana dan Junaidi (2022) menerangkan bahawa persepsi yang wujud adalah dipengaruhi oleh pelbagai sumber maklumat yang cukup meluas dan mudah diakses, khususnya pada era serba moden. Berdasarkan kajian Ilyas & Syakir (2023), menerangkan bahawa sejak pilihan raya umum pertama tahun 1959, UMNO-BN adalah satu-satunya parti politik yang menguasai Kerajaan Persekutuan dan hampir setiap negeri. Pada pilihan raya 2018, PAS berjaya menambah bilangan kerusi yang dimenangnya apabila menguasai kesemua lapan kubu kuatnya di samping mengekalkan kemenangan di semua tujuh kawasan DUN penentu.

3. Metodologi

3.1 Kaedah Pengumpulan Data

Bagi menyempurnakan kajian ini, dua jenis sumber data iaitu sumber data primer dan sumber data sekunder telah digunakan. Data primer merupakan data yang dikumpul secara langsung oleh penyelidik daripada sumber pertama melalui kaedah pengumpulan data seperti kaedah kuantitatif dan kualitatif. Sumber ini adalah terhad menjadikan penggunaan sumber data sekunder sangat penting untuk menyokong dan mengukuhkan lagi dapatan yang diperoleh daripada data primer. Bagi kaedah pengumpulan data primer, kaedah soal selidik dan temu bual dilakukan bagi menjayakan penyelidikan ini.

Kaedah soal selidik merupakan kaedah pengedaran borang kepada responden yang dipilih dan mengandungi sejumlah soalan berkaitan bidang pengkaji bagi mendapatkan data berdasarkan pilihan jawapan mereka. Setiap responden yang dipilih adalah mengikut syarat kelayakan mengundi iaitu berumur 18 tahun ke atas di sekitar kawasan DUN Seberang Takir. Setiap soalan yang dikemukakan adalah berbentuk terbuka dan tertutup. Soalan secara terbuka akan disediakan ruang jawapan bagi responden mengemukakan jawapan mereka secara bebas manakala bahagian soalan yang tertutup pula disediakan aneka pilihan jawapan berbentuk fakta dan pendapat. Kaedah temu bual informan pula telah digunakan untuk memperoleh maklumat berkaitan pandangan, pemahaman, isu serta sikap individu mengenai konflik dalam isu royalti petroleum dan pilihan raya. Informan yang ditemu bual dalam kajian ini terdiri daripada pengundi awam, pengundi muda dan mewakili ahli politik yang berjawatan dalam parti politik bagi mendapatkan pandangan mereka dengan lebih mendalam mengenai isu politik semasa. Kaedah ini sesuai digunakan kerana dapat menjadi sumber utama atau sumber asli untuk melengkapkan hasil kajian berkaitan konflik politik dalam isu royalti petroleum di kawasan DUN Seberang Takir, Kuala Nerus, Terengganu.

Kaedah pemerhatian di lapangan juga dijalankan sebagai salah satu kaedah kualitatif. Kaedah ini merupakan alternatif bagi mendapatkan maklumat selain daripada kaedah soal selidik dan temu bual. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat meneliti tentang pembangunan dan persekitaran serta tingkah laku pengundi di DUN Seberang Takir. Setiap pemerhatian yang dijalankan mempunyai tujuan tertentu dan dilakukan secara sistematik. Ciri-ciri yang diperhatikan haruslah

memenuhi tujuan kajian pengkaji bagi membantu mendapatkan hasil yang tepat seperti sejauhmana pemahaman pengundi terhadap isu politik tempatan membawa kepada keputusan pilihan politik mereka pada hari ini. Setiap pemerhatian yang dilaksanakan akan dicatat dan direkodkan dalam pelbagai bentuk seperti media dan catatan.

Selain itu, data sekunder seperti buku ilmiah, artikel jurnal, majalah, laporan penyelidikan dan risalah juga digunakan untuk mendapatkn maklumat yang lebih khusus dan mendalam tentang konflik politik dalam isu royalti petroleum. Pengkaji turut mendapatkan sumber daripada Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL) di mana bahan tesis dan buku ilmiah pengkaji terdahulu digunakan bagi mengukuhkan lagi tujuan kajian ini dilaksanakan. Setiap sumber yang diperoleh pengkaji dapat membantu meluaskan ilmu pengetahuan dan pandangan dalam konflik politik yang sering timbul dalam isu royalti petroleum sehingga mempengaruhi hubungan baik antara parti-parti politik dan pandangan pengundi di kawasan ini.

Pengkaji juga memanfaatkan sumber atas talian bagi mendapatkan maklumat tambahan. Setiap sumber maklumat yang diperoleh ini telah diambil dari laman web yang sah, artikel jurnal atas talian, akhbar dalam talian serta platform media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram dan Youtube. Kaedah ini digunakan bagi memudahkan pengkaji dengan mendapatkan isi maklumat dengan lebih pantas mengenai konflik politik yang berterusan dalam isu royalti petroleum di DUN Seberang Takir serta isu-isu politik yang mempengaruhi pilihan pengundi. Oleh itu, kaedah ini mampu membantu pengkaji mengakses maklumat dengan lebih meluas dan lebih mudah untuk direkodkan dalam jangka masa yang panjang.


3.2 Analisis Data

Pada bahagian proses menganalisis data, pengkaji menggunakan kaedah statistik deskriptif untuk menyusun, mengumpul maklumat dan mempersembahkan data dalam bentuk grafik. Pengkaji telah menggunakan perisian *Statistics Package for Social Science* (SPSS) untuk menganalisis data soal selidik. Perisian ini memaparkan satu ringkasan data dalam bentuk jadual dan graf berdasarkan kekerapan dan peratusan data yang diperoleh dalam kajian. Metod analisis data yang dilakukan daripada hasil kaedah kualitatif pula dilakukan secara lisan (temu bual) dan setiap jawapan telah direkodkan oleh pengkaji secara rakaman suara dan bertulis. Data yang diperoleh akan dipersembahkan dalam bentuk transkrip mengikut setiap informan yang ditemu bual. Maklumat sekunder pula digunakan bagi mengukuhkan dapatan kajian agar mencapai standard kajian.

3.3 Kawasan Kajian

Bagi melaksanakan kajian dengan lebih terperinci, hal yang demikian memerlukan satu kawasan untuk menjalankan kajian yang dirujuk. Oleh sebab itu, kajian ini dijalankan di kawasan Seberang Takir yang merupakan sebuah DUN dalam Parlimen Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia. DUN Seberang Takir ini merangkumi hanya satu Mukim sahaja iaitu Mukim Seberang Takir dan terdapat 9 kawasan Daerah Mengundi yang termasuk di bawah DUN Seberang Takir iaitu Telaga Batin, Teluk Ketapang, Tok Jembal, Kubang Badak, Telaga Daing, Bukit Tok Beng, Kampung Batin, Kampung Baru Seberang Takir dan Seberang Takir Pantai (Rujuk Rajah 1). Keluasan DUN ini adalah 23 Kilometer persegi dan berkoordinat 5°20'50"N 103°07'38"E. Jumlah penduduk DUN ini merangkumi 99.1 peratus warganegara Malaysia dan 0.9 peratus bukan warganegara. Terdapat 27, 733 pemilih di DUN Seberang Takir dalam PRU Ogos 2023 dengan komposisi etnik 99.24

peratus etnik Melayu, 0.18 peratus Cina, 0.11 peratus India dan selebihnya iaitu 0.47 peratus adalah kaum lain termasuk Orang Siam dan Orang Asli.



RAJAH 1: Peta kawasan/bahagian pilihan raya DUN (N.11) Seberang Takir, Terengganu

Sumber: Diubahsuai daripada SPR 2022

Sejarah penamaan Seberang Takir masih kurang jelas namun, penduduk tempatan percaya bahawa nama kampung ini berkait rapat dengan kedudukan geografinya. Perkataan Seberang dipercayai merujuk kepada Seberang sungai atau di Seberang. Hal yang demikian kerana lokasi kampungnya yang terletak di seberang sungai utama iaitu Sungai Terengganu yang membahagikan bandar Kuala Terengganu dengan kawasan di sekitarnya. Takir pula dipercayai berasal daripada satu nama tempat dan ada juga yang berpendapat bahawa takir merupakan alat tajam untuk memotong tangan atau kaki pesalah.

Sebahagian daripada DUN Seberang Takir ini terletak di muara Sungai Terengganu yang bersempadan dengan bandar Kuala Terengganu. Sebahagian lain kawasan ini juga menghadap terus dengan Laut China Selatan dan mempunyai beberapa pantai yang menarik. Berikutan kawasan ini mempunyai bentuk muka bumi di pesisiran pantai dan bertanah pamah, kebanyakan penduduk di kawasan ini terlibat dalam kegiatan sektor perikanan dan kegiatan Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Namun, berikutan perkembangan era pembangunan, penduduk di sini juga ramai

yang melibatkan diri dalam sektor kerajaan. Selain itu, kemudahan yang disediakan juga cukup lengkap bermula daripada beberapa buah sekolah rendah dan menengah, institut pendidikan tinggi, Lapangan Terbang Negeri serta kemudahan penginapan untuk pelancong.

Justeru, kajian ini dijalankan di DUN Seberang Takir kerana ingin menganalisis sendiri faktor dan impak konflik politik yang berlaku dalam isu royalti petroleum serta tahap pemahaman pengundi terhadap isu tersebut. Kawasan ini menjadi pilihan kerana merupakan tempat tinggal pengkaji. Dari segi sejarah politik pilihan raya di kawasan DUN Seberang Takir, kawasan ini dikuasai BN/UMNO sejak PRU 1974 sehingga PRU 2018. Kemudian pada PRU 2008 hingga PRU 2018 iaitu selama 3 penggal diwakili oleh Kemudian pada PRU 2008 hingga PRU 2018 iaitu selama 3 penggal diwakili oleh Dato' Seri Ahmad Razif Abdul Rahman. Akhirnya pada PRU 2023, kawasan ini berjaya ditawan PN yang menggunakan logo PAS daripada BERSATU iaitu Tuan Haji Khazan Che Mat yang menang dengan majoriti 2,797 undi.

4. Dapatan dan Perbincangan

Analisis dilakukan secara kualitatif bagi menghuraikan objektif khusus untuk kajian 'Konflik Politik dalam Isu Royalti Petroleum: Kajian Kes di DUN Seberang Takir, Kuala Nerus, Terengganu'. Tiga objektif khusus bagi kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap pengetahuan dan kefahaman responden terhadap isu royalti petroleum, mengkaji faktor isu royalti petroleum dipolitikkan dan menganalisis impak isu royalti petroleum terhadap pilihan politik responden di kawasan kajian. Justeru, hasil yang diperolehi daripada temu bual ini mampu mengukuhkan lagi dapatan kajian.

4.1 Tahap Pengetahuan dan Kefahaman terhadap Isu Royalti Petroleum


4.1.1 Fungsi Bayaran Royalti Petroleum

Sistem royalti petroleum dikawal selia melalui peruntukan di bawah Akta Pembangunan Petroleum 1974 (APP 1974). Berdasarkan akta ini, semua hak milik dan kawalan terhadap sumber petroleum di daratan dan perairan negara telah diserahkan secara mutlak kepada PETRONAS. Sebagai balasan kepada penyerahan hak tersebut, PETRONAS bertanggungjawab membayar bayaran tunai sebanyak lima peratus daripada nilai kasar pengeluaran petroleum kepada kerajaan negeri yang terlibat. Akta ini bukan sahaja berperanan sebagai rangka kerja undang-undang teratur untuk sektor petroleum, malah menjamin kekayaan sumber asli negara yang diurus secara berpusat dan berpandangan jauh (Abdul 2025). Walaupun istilah rasmi yang digunakan dalam APP 1974 ialah bayaran tunai, namun dalam wacana awam dan politik lebih dikenali sebagai royalti petroleum. Dalam konteks fungsi royalti petroleum di Negeri Terengganu pula, Terengganu merupakan salah satu negeri pengeluar petroleum utama di Malaysia khususnya melalui pengeluaran petroleum dan gas asli di kawasan perairan luar pesisir di Laut China Selatan. Oleh itu berdasarkan APP 1974, negeri ini berhak menerima royalti petroleum sebanyak lima peratus daripada nilai pengeluaran yang berlaku di kawasan perairannya. Bagi DUN Seberang Takir pula, royalti petroleum berperanan menyediakan dana untuk pelbagai inisiatif di kawasan tersebut. Contohnya dari segi pembangunan dan pelancongan, pembinaan jalan raya, penambahbaikan sistem perparitan, pembinaan sekolah serta pelaburan dalam sektor pelancongan.

Tahap pengetahuan dan kefahaman rakyat di kawasan kajian terhadap isu royalti petroleum adalah berbeza mengikut latar belakang pendidikan, minat terhadap politik dan sumber maklumat

yang diperoleh. Sebahagian responden mengetahui asas isu ini khususnya tuntutan hak negeri terhadap bayaran royalti daripada Kerajaan Persekutuan namun ada juga sebahagian responden yang masih kurang jelas tentang aspek perundangan, mekanisme pengagihan serta implikasi ekonomi jangka panjang.

Hasil kajian menunjukkan majoriti responden menyatakan bahawa mereka tahu tentang isu bayaran royalti petroleum yang diketengahkan oleh Kerajaan Negeri iaitu sebanyak 72 peratus memilih tahu (Lihar Rajah 1). Responden menyatakan yang mereka tahu sedikit sebanyak tentang asas isu royalti petroleum yang sering menjadi konflik antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Contohnya, bayaran yang tidak diterima sepenuhnya dari Kerajaan Persekutuan ke Kerajaan Negeri. Hal yang demikian berlaku disebabkan oleh beberapa faktor utama dan salah satunya ialah Kerajaan Negeri Terengganu secara konsisten menjadikan isu royalti sebagai simbol perjuangan hak negeri dan menjadikannya mudah difahami oleh masyarakat walaupun tanpa pengetahuan teknikal yang lebih mendalam. Menurut Khuzairi (2025), Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Dakwah dan Pemerkasaan Syariah Terengganu iaitu Dr. Muhammad Khalil Abdul Hadi berkata Terengganu akan tetap menuntut kepunyaan rakyat Terengganu itu daripada Kerajaan Persekutuan. Perkara tersebut menyebabkan rakyat di kawasan kajian semakin peka dengan isu royalti ini yang sering menjadi topik utama media politik. Tambahan pula, pendekatan komunikasi mesra rakyat melalui saluran rasmi, media sosial dan kempen penerangan turut menyumbang kepada peningkatan kesedaran dan kefahaman asas responden tentang tuntutan royalti ini.



RAJAH 1: Pengetahuan tentang isu bayaran royalti petroleum yang diketengahkan oleh Kerajaan Negeri (peratus)
Sumber: Soal selidik 2025

Selain itu, responden juga mencatatkan peratusan yang sama terhadap pilihan tidak tahu dan tidak pasti iaitu sebanyak 14 peratus pada kedua-duanya. Perkara ini dapat diujahkan bahawa responden yang tidak tahu dan tidak pasti akan isu ini kebanyakannya tergolong dalam kalangan yang kurang mengikuti perkembangan politik contohnya golongan responden pelajar. Kerumitan isu royalti petroleum yang melibatkan aspek perundangan, perjanjian antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan serta istilah teknikal menyebabkan sebahagian responden sukar memahami

keseluruhan konteksnya. Responden yang memilih tidak pasti juga menyatakan bahawa mereka pernah mendengar tentang isu royalti petroleum tersebut namun kurang berminat terhadap isu yang dianggap terlalu jauh daripada kesan langsung kepada kehidupan seharian mereka dan tidak ambil peduli. Akibat daripada sifat tidak peduli mereka, isu royalti ini tidak akan diambil sebagai salah satu pengetahuan am oleh mereka dan berkemungkinan akan menjadi isu yang diabaikan oleh masyarakat. Ringkasnya, hasil kajian ini menunjukkan bahawa majoriti responden mengetahui dan faham isu royalti petroleum yang diketengahkan Kerajaan Negeri walaupun hanya memahami tentang asasnya sahaja.

Hasil kajian juga mendapati bahawa tahap pengetahuan dan kefahaman fungsi royalti petroleum penduduk DUN Seberang Takir agak baik. Majoriti penduduk memahami sedikit sebanyak tentang bagaimana cara royalti petroleum berfungsi dan diagihkan sebagai sumber pendapatan negeri dan sumber kemajuan DUN Seberang Takir. Antara pengetahuan umum yang difahami oleh penduduk DUN ini ialah bahawa Negeri Terengganu merupakan salah satu negeri pengeluar petroleum utama di Malaysia dan bayaran yang diberikan oleh PETRONAS kepada Kerajaan Negeri sebanyak lima peratus. Selain itu, terdapat juga sebahagian penduduk yang memberikan tahap kefahaman yang amat mendalam iaitu berkaitan dengan Akta Pembangunan Petroleum 1974 serta cara bayaran yang diagihkan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri. Perkara tersebut juga dinyatakan oleh mereka tentang Akta ini yang telah diusulkan sejak zaman pemerintahan BN. Seterusnya, kaedah bayaran yang sepatutnya juga ada dinyatakan oleh mereka iaitu sejumlah wang akan dibayar secara ansuran dalam setahun sehingga mencapai sebanyak lima peratus bayaran penuh hasil tersebut.

Menurut Puan Fazilah (Pengundi DUN Seberang Takir), beliau menyatakan bahawa:

“Ikut pemahaman saya lah ork, Royalti Petroleum ni bermakna bayaran tunai langsung sebanyak lima peratus dari hasil petroleum oleh Petronas terus ke dalam akaun Kerajaan Negeri sebanyak dua kali setahun dan besenye akan dibayar pada bulan Mac dan September. Tapi, lepas tahun 2000, takdok lagi bayaran langsung oleh Petronas kepada Kerajaan Negeri.”

(Puan Fazilah, 28 Februari 2025)

Menurut Encik Baihaqi (Pegawai Pentadbiran Kanan DUN Seberang Takir), beliau menyatakan bahawa:

“Pahtu, kaedah dia, cara terimaan bayoran dia setakat saya tahu, contoh dapat duit hasil daripada royalti tu dimasukkan ke pusat pahtu ye bagi ke kerajaan negeri. Kot mana pun ye akan bagi ke pusat dulu. Pahtu pusat ni lok akan agih ke Kerajaan Negeri sebanyak 5%.”

(Encik Baihaqi, 20 Mac 2025)

Menurut YB Dato’ Dr. Haji Alias Razak (Ahli Parlimen Kuala Nerus), beliau menyatakan bahawa:

“Isu royalti ni sebenonye isu yang lama lah. Asalnya Tranung ni mula dapat bayaran tunai, maksud royalti adalah bayaran tunai sebanyak 5% daripada Petronas, hasil jualan petroleum dan gas. Ia telah mula diterima sejok tahun 1978 lagi masa BN memerintah. Peratusan tiap-

tiap tahun tu adalah daripada sumber hasil petroleum. Yang selebihnya tu hasil daripada cukai-cukai lain lah.”

(YB Dato’ Dr. Haji Alias bin Razak, 24 Mac 2025)

Menurut Cik Aisyah (Pengundi Muda DUN Seberang Takir), beliau menyatakan bahawa:

“Secara umumnya, bayaran royalti petroleum ni pembayaran oleh syarikat yang keluarkan minyak atau gas kepada kerajaan sebagai balasan untuk hak pengeluaran sumber tersebut. Tapi dalam konteks Malaysia ni, royalti petroleum melibatkan pembayaran oleh Petronas kepada kerajaan Negeri Selain itu, bagi saya pembahagian yang lebih telus ni dan adil perlu diwujudkanlah supaya kerajaan negeri rasa dihargailah atas sumbangan mereka terhadap pengeluaran sumber negara.”


(Cik Aisyah, 27 Februari 2025)

4.1.2 Isu Royalti Petroleum yang diketengahkan

Pengagihan royalti petroleum di Terengganu tidak sentiasa berjalan lancar dan telah beberapa kali menjadi punca konflik politik antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Hasil kajian mendapati bahawa salah satu titik penting dalam sejarah konflik ini berlaku pada tahun 2000, apabila Kerajaan Negeri Terengganu dikuasai oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS) manakala Kerajaan Persekutuan pada ketika itu ditadbir oleh Barisan Nasional (BN). Dalam situasi ini, Kerajaan Persekutuan telah menggantung bayaran royalti petroleum kepada Kerajaan Negeri dan menggantikan bayaran tersebut dengan “Wang Ehsan” yang disalurkan terus kepada agensi-agensi Persekutuan seperti Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) tanpa melalui Kerajaan Negeri. Isu ini juga telah menimbulkan persoalan penduduk terutamanya penduduk DUN Seberang Takir mengenai ketelusan dan tanggungjawab dalam pengurusan hasil negara. Situasi ini berlarutan selama beberapa tahun dan hanya berubah apabila berlaku perubahan politik di peringkat Persekutuan. Sebagai contoh, pada tahun 2018 ketika Pakatan Harapan mengambil alih pentadbiran negara, Kerajaan Persekutuan pada masa itu telah kembalikan bayaran Wang Ehsan walaupun pada ketika itu Kerajaan Negeri Terengganu telah ditadbir oleh PAS. Namun begitu, bayaran tersebut semakin lama semakin berkurang dan difahamkan bahawa Kerajaan Negeri sudah tidak menerima bayaran tersebut kecuali dengan permohonan berkala. Menurut Zatul dan Baharom (2024), Kerajaan Terengganu masih menunggu baki pembayaran royalti petroleum atau Wang Ehsan sekurang-kurangnya RM700 juta yang belum dilunaskan Kerajaan Persekutuan bagi 2023. Seterusnya, konflik ini juga telah menimbulkan akta baharu iaitu Akta Laut Wilayah 2012 yang dipercayai baru diusulkan untuk menghalang tuntutan hak Kerajaan Negeri terhadap hasil galian tersebut. Menteri Besar Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar berkata sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) menolak Akta Laut Wilayah 2012 kerana ia membataskan hak negeri menerokai sumber dan hasil melalui sempadan maritim negeri sekadar tiga batu nautika dari garis surut wilayah Terengganu (Zatul & Baharom 2024). Tindakan tersebut telah menimbulkan persepsi bahawa Kerajaan Persekutuan telah bertindak secara tidak adil dan tidak wajar bagi penyekatan hak tersebut.

Kaedah bayaran royalti petroleum melibatkan pembayaran peratusan tertentu daripada hasil pengeluaran petroleum oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri terlibat. Di Malaysia, bayaran ini tertakluk kepada perjanjian antara Petronas dengan kerajaan-kerajaan Negeri berdasarkan Akta Pembangunan Petroleum 1974. Secara asasnya, pengetahuan umum yang didedahkan kepada masyarakat adalah bayaran balasan sebanyak 5 peratus daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri. Pelaksanaan bayaran ini juga turut dipengaruhi oleh faktor politik, tafsiran undang-undang dan kedudukan Kerajaan Negeri sama ada sehaluan atau tidak dengan Kerajaan Persekutuan.

Merujuk kepada Rajah 2 iaitu faham tentang kaedah bayaran royalti petroleum berfungsi, hasil kajian mendapati bahawa responden memahami tentang kaedah bayaran royalti petroleum sebanyak 44 peratus. Kebanyakan responden yang memahami tentang kaedah bayaran ini telah didedahkan melalui ucapan pemimpin politik, ceramah umum atau kandungan media sosial yang menjelaskan hak negeri terhadap hasil bumi. Mereka memahami bahawa hasil petroleum yang diperoleh dari perairan negeri sepatutnya dibayar kepada Kerajaan Negeri sebagai bentuk pampasan atau pendapatan tetap. Contohnya, sejak kebelakangan ini, Kerajaan Terengganu sering menuntut agar bayaran royalti disalurkan secara terus kepada Kerajaan Negeri dan bukannya dalam bentuk wang Ehsan yang dikawal oleh Kerajaan Persekutuan. Penerangan berulang kali tentang perkara ini terutamanya semasa pilihan raya membantu rakyat memahami bagaimana sistem bayaran ini sepatutnya berfungsi. Peningkatan kefahaman ini mungkin berpunca daripada minat responden terhadap isu hak negeri, rasa tanggungjawab pengundi dan kesedaran bahawa bayaran royalti ini memberi kesan langsung kepada pembangunan infrastruktur, pendidikan dan peluang ekonomi di kawasan kajian. Namun begitu, kefahaman terhadap kaedah bayaran royalti ini tidak bermakna sokongan rakyat akan sepenuhnya berpihak kepada Kerajaan Negeri dan ramai yang masih mempersoalkan tentang isu royalti ini.



RAJAH 2: Faham tentang kaedah bayaran royalti petroleum berfungsi
Sumber: Soal selidik 2025

Di samping itu, peratusan responden yang tidak memahami tentang kaedah bayaran ini ialah sebanyak 30 peratus. Ramai responden yang hanya mengetahui secara umum tentang royalti petroleum tanpa memahami mekanisme sebenar seperti siapa yang menguruskan pembayaran, bagaimana jumlah dikira atau bagaimana perbezaan antara royalti dan wang Ehsan memberi kesan kepada hak negeri. Ketidaktentuan dalam penyampaian maklumat, istilah teknikal yang sukar

difahami serta kurangnya penjelasan rasmi daripada pihak berkuasa menjadikan mereka keliru. Contohnya, menurut Norhaspida (2024), Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri berkata Kerajaan Negeri amat tidak setuju kerana ia sangat tidak membantu kecekapan serta produktiviti dengan kaedah pembayaran secara itemized dan case-by-case basis ini. Akibat daripada tidak memahami kaedah bayaran ini, responden berisiko terpengaruh dengan propaganda politik tanpa asas yang kukuh serta sukar membuat penilaian objektif terhadap dasar kerajaan dan kurang menyedari bagaimana isu ini memberi kesan langsung kepada pembangunan negeri.

Akhir sekali, peratusan responden yang memilih jawapan tidak pasti adalah sebanyak 26 peratus. Apabila maklumat yang diterima bercampur antara fakta dan pandangan politik, responden mungkin sukar membezakan antara yang benar dan yang salah. Tambahan pula, penggunaan istilah seperti wang Ehsan, royalti, bayaran tunai atau hasil minyak sering digunakan secara bergantian tanpa penjelasan yang konsisten. Hal yang demikian menyebabkan wujudnya jurang komunikasi antara Kerajaan dan rakyat sehingga menyebabkan rakyat tidak dapat membuat penilaian yang tepat terhadap prestasi atau tututan politik sesuatu pihak sekali gus melemahkan penglibatan awam dalam proses demokrasi dan tuntutan hak secara berinformasi. Oleh itu, masih ramai responden di kawasan kajian yang tidak memahami dengan lebih mendalam tentang kaedah pembayarannya dan mengapa Kerajaan Negeri sering memperjuangkan hak royalti ini.

Menurut YB Dato' Dr. Haji Alias bin Razak Menurut YB Dato' Dr. Haji Alias Razak (Ahli Parlimen Kuala Nerus), beliau menyatakan bahawa:

“Ia telah mula diterima sejak tahun 1978 lagi masa BN memerintah. Dan ia berhenti atas desakan ataupun satu usul yang dibawa oleh UMNO Terengganu, masa zaman Tun Mahathir jadi Perdana Menteri, supaya disekat atau tidak diberi royalti ni kepada negeri Terengganu yang pada ketika tu diperintah oleh PAS pada 1999, itu cite sejarahnya, yang menjadi politik di situ lah, sebelum itu tidak jadi isu dari 1978 sehingga tahun 2000 kerajaan BN menerima di atas nama royalti sebanyak 5% hasil jualan petroleum dan gas dari perairan Negeri Terengganu. Yang jadi isu bila mana PAS menang PRU 1999, supaya kerajaan PAS ni gagal, sebab dia tau sumber utama hasil Negeri Terengganu adalah daripada royalti. Masa tu 80-85% lebih sumber pendapatan adalah daripada royalti. Jadi dia sekat royalti, dia harap kerajaan PAS akan gagal mentadbir, itulah harapan mereka. Lepastu timbul lah beberapa isu lain macam Akta Laut Wilayah 2012 yang dikemukakan. Itu semua diwujudkan untuk menghalalkan dan mewajarkan tindakan Kerajaan Pusat untuk tidak beri royalti 5% tu.”

(YB Dato' Dr. Haji Alias bin Razak, 24 Mac 2025)

Menurut Puan Fazilah (Pengundi DUN Seberang Takir), beliau menyatakan bahawa:

“Ada hujah yang dakwa hok Kerajaan Negeri ni benonye takdok hak untuk dapat royalti petroleum sebab hasil minyak yang Petronas dapat ni sebenarnya berada di luar sempadan negeri, tapi benda ni hanya timbul sejak kebelakangan ni lah dan Kerajaan Pusat pun rujuk di bawah Akta Laut Wilayah. Jadi pada pendapat saya, sebab itulah Kerajaan Negeri mengetengahkan isu ni.”

(Puan Fazilah, 28 Februari 2025)

4.2 Faktor Isu Royalti Petroleum dipolitikkan

Isu royalti petroleum telah lama menjadi isu politik yang dimanipulasi oleh pelbagai pihak demi kepentingan tertentu. Hasil kajian mendapati bahawa isu royalti petroleum sering dipolitikkan disebabkan oleh persaingan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang dipimpin oleh parti politik yang berbeza. Pengundi juga menyatakan bahawa isu royalti bukan semata-mata soal hak negeri atau pengurusan hasil petroleum, sebaliknya telah menjadi alat politik yang digunakan oleh pihak tertentu untuk meraih sokongan rakyat dan melemahkan pihak lawan. Setiap kali menjelang pilihan raya, isu royalti akan dibangkitkan oleh parti pembangkang dan parti pemerintah. Mereka akan mula menuduh pihak lawan sebagai tidak menunaikan tanggungjawab terhadap rakyat sama ada dengan menafikan hak royalti atau menyalahgunakan dana tersebut untuk kepentingan politik. Selain itu, pengundi juga turut menyatakan bahawa kekurangan ketelusan dalam penyaluran dan penggunaan royalti turut menyumbang kepada sentimen politik. Kenyataan tersebut disokong apabila segelintir pengundi berpendapat bahawa sekatan bayaran royalti tersebut adalah kerana dendam atau dipanggil politik dendam iaitu Kerajaan Persekutuan tidak mahu melihat kejayaan pemerintahan daripada parti pembangkang.

Secara umumnya, setiap isu yang dipolitikkan akan mempengaruhi pandangan setiap masyarakat bahawa isu tersebut akan dipengaruhi oleh kepentingan politik berbanding kepentingan rakyat. Ramai berpendapat bahawa konflik politik akan timbul apabila berlakunya pertembungan kuasa di antara parti pembangkang dan parti pemerintah terutamanya pada musim pilihan raya. Isu royalti petroleum juga merupakan salah satu isu yang sering dipolitikkan. Hujah yang dapat diberikan ialah royalti petroleum melibatkan sumber hasil pendapatan negara yang amat penting bagi menjana ekonomi. Oleh itu, royalti petroleum tetap akan dipolitikkan kerana melibatkan sumber pendapatan yang agak besar.

JADUAL 1: Pendapat umum mengenai faktor isu royalti petroleum dipolitikkan (Peratus)

Bil	Faktor isu royalti petroleum dipolitikkan	Setuju (%)	Tidak Setuju (%)	Tidak Pasti (%)
1	Musim Pilihan Raya menjadikan Isu Royalti Petroleum lebih hangat.	64	16	20
2	Isu Royalti Petroleum hanya timbul ketika Kerajaan Negeri Terengganu diambil alih parti pembangkang.	60	25	19
3	Media memainkan peranan besar dalam meregangkan hubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.	58	14	28
4	Rakyat Terengganu menyuarakan tuntutan Royalti Petroleum sebagai hak milik Kerajaan Negeri.	56	18	26
5	Berlaku kesulitan dalam melaksanakan projek pembangunan oleh Kerajaan Negeri akibat daripada wang Royalti Petroleum disekat atau dilambatkan penyalurannya.	54	18	28
6	Hanya Ahli Politik yang memperbesarkan isu ini.	48	32	20
7	Kerajaan Persekutuan enggan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Terengganu atas dasar majoriti sokongan politik pengundi Terengganu kepada PN/PAS.	46	30	24
8	Isu ini memberi keuntungan kepada parti politik tertentu.	44	32	24

9	Perbincangan mengenai Royalti Petroleum lebih banyak difokuskan kepada kepentingan politik berbanding42 kepentingan rakyat.	33	25
10	Tiada keadilan dalam pembahagian hak milik Royalti38 Petroleum.	29	33

Sumber: Soal selidik 2025

Merujuk kepada Jadual 1, sebanyak 64 peratus responden bersetuju bahawa isu royalti petroleum sering dijadikan bahan kempen dan dibangkitkan secara aktif menjelang pilihan raya. Kecenderungan ini menunjukkan bahawa isu ini sering dimanipulasi untuk meraih sokongan pengundi, bukannya diselesaikan secara professional. Menurut Harakah Daily (2025), manifesto Pakatan Harapan 2018 menyebut bahawa Kerajaan Pakatan Harapan akan menambah jumlah royalti petroleum kepada Sabah dan Sarawak serta negeri-negeri pengeluar petroleum yang lain kepada 20 peratus atau nilai yang bersamaan sebagai salah satu langkah pembahagian hasil petroleum yang lebih adil. Namun, apabila dijadikan isu sementara dalam pilihan raya perkara ini tidak diselesaikan secara berterusan dan berkesan menyebabkan rakyat kekal keliru dan tidak mendapat manfaat sepenuhnya.

Selain itu, 60 peratus responden bersetuju bahawa isu royalti petroleum lebih banyak diketengahkan apabila kerajaan negeri dikuasai oleh parti pembangkang. Perkara ini menunjukkan bahawa isu royalti bukanlah isu yang dibangkitkan secara konsisten, tetapi bergantung kepada landskap politik semasa. Contohnya, apabila PAS memerintah Terengganu pada tahun 1999, bayaran royalti telah digantikan dengan wang ehsan oleh Kerajaan Persekutuan yang pada ketika itu ditadbir oleh parti lawan. Responden juga berpendapat bahawa hal ini berlaku kerana royalti dijadikan alat tekanan politik untuk melemahkan kerajaan negeri yang tidak sehaluan dengan Kerajaan Persekutuan. Akibatnya, rakyat yang sepatutnya menerima manfaat pembangunan daripada royalti tersebut turut terkesan.

Akhirnya, sebanyak 58 peratus responden percaya bahawa media berperanan dalam memperbesar atau menyalurkan naratif yang mencetuskan ketegangan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan negeri. Media sering digunakan oleh pihak berkepentingan untuk menyampaikan naratif politik tertentu yang boleh memperburuk persepsi rakyat terhadap pihak lawan. Kecenderungan media tertentu untuk menyebelahi parti politik menjadikan liputan isu tidak seimbang dan beremosi. Kesannya, rakyat menjadi keliru dan perpecahan politik semakin ketara manakala isu royalti terus tertangguh tanpa penyelesaian konkrit.

Menurut Encik Baihaqi (Pegawai Pentadbiran Kanan DUN Seberang Takir), beliau menyatakan bahawa:

“Faktor isu royalti petroleum dipolitikkan seperti mana ada hok saya baca, ada hok saya tengok dalam media sosial, dok lain dok bukan faktor politik dendam lah. Orang kata maknanya dok puah hati. Sebab daripada dulu amalannya gitu. Jadi hari ni lagi teruk daripada hok dulu. Hok dulu ada jugok ye sekat tapi doklah pelik macam ge leni. Leni pelik sangat ye sekat ni.”

(Encik Baihaqi, 20 Mac 2025)

Menurut Cik Aisyah (Pengundi Muda DUN Seberang Takir):

“Pada pendapat saya, antaranya saya rasa pertembungan kuasa antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri, hmm pertentangan politik antara parti pemerintah dan pembangkang, selain pada tu, ketidakseimbangan ekonomi dan keperluan pembangunan, manipulasi isu untuk kemenangan Pilihan Raya dan perbezaan kepentingan sosial dan ekonomi.”


(Cik Aisyah, 27 Februari 2025)

4.3 *Impak Royalti Petroleum terhadap pilihan politik*

4.3.1 Kelebihan kepada Kerajaan Negeri mendapatkan sokongan pengundi

Berdasarkan hasil kajian, menunjukkan kesedaran tinggi terhadap peranan royalti petroleum dalam membangunkan negeri dan menyediakan kemudahan untuk rakyat. Apabila kerajaan negeri dilihat tegas dalam menuntut hak royalti daripada Kerajaan Persekutuan, perkara ini memberikan gambaran bahawa Kerajaan Negeri serius dalam membela kepentingan rakyat. Tindakan ini memberi kesan psikologi kepada pengundi khususnya mereka yang mengharapkan pembangunan infrastruktur, peluang pekerjaan dan bantuan kebajikan yang lebih baik di kawasan mereka. Tambahan pula, pengundi di Seberang Takir menyedari bahawa royalti petroleum adalah hasil daripada sumber semula jadi di negeri mereka sendiri yang seharusnya kembali kepada rakyat negeri sendiri. Maka, mana-mana Kerajaan Negeri yang berjaya mengurus dana royalti dengan telus dan memberi impak yang tinggi akan mendapat sokongan yang lebih kuat tanpa mengira parti politik. Hal yang demikian juga telah menjadi asbab sokongan pengundi terhadap Kerajaan PAS kerana telah menunjukkan perjuangan penuh untuk menegakkan hak negeri.

Jika Kerajaan Negeri pimpinan PAS dapat menunjukkan kesungguhan, konsistensi dan hasil positif dalam usaha menuntut royalti petroleum, pengundi akan melihat mereka sebagai pembela hak rakyat Terengganu. Perjuangan mendapatkan royalti dilihat sebagai simbol keberanian mempertahankan hak negeri daripada penguasaan kerajaan pusat. Namun begitu, jika isu ini terus gagal diselesaikan atau dilihat sekadar sebagai retorik politik, sebahagian pengundi mungkin berasa kecewa dan menilai semula sokongan mereka. Tambahan pula, pengundi yang lebih mementingkan isu ekonomi harian, kos sara hidup, pekerjaan dan pembangunan negeri mungkin tidak meletakkan isu royalti sebagai faktor utama dalam membuat pilihan. Bahagian ini membincangkan adakah perjuangan isu royalti petroleum mampu meraih sokongan rakyat seperti apa yang diharapkan oleh Kerajaan PAS kini.



RAJAH 3: Isu Royalti Petroleum akan memberi kelebihan kepada Kerajaan Negeri atau PAS untuk mendapat sokongan pengundi dalam pilihan raya umum akan datang (peratus)
Sumber: Soal selidik 2025

Berdasarkan Rajah 3, 36 peratus responden di DUN Seberang Takir bersetuju bahawa isu royalti petroleum akan memberi kelebihan kepada Kerajaan Negeri atau PAS untuk mendapat sokongan pengundi dalam pilihan raya umum akan datang. Sebahagian pengundi percaya bahawa ketegasan Kerajaan Negeri pimpinan PAS memperjuangkan isu royalti petroleum memberi gambaran bahawa mereka berjuang untuk hak dan hasil negeri. Pendekatan ini meningkatkan imej PAS sebagai parti yang membela kepentingan rakyat Terengganu. Hal yang demikian juga berkait rapat dengan teori pilihan rasional iaitu menurut Ilyas, Jamaie dan Sity (2018), dalam proses membuat pilihan, pengundi akan memberikan undi kepada parti yang dirasakan mampu untuk memenuhi segala tuntutan mereka berpandukan kepada maklumat-maklumat dan pengetahuan politiknya.

Seterusnya, terdapat 24 peratus responden tidak bersetuju bahawa isu royalti petroleum memberi kelebihan kepada Kerajaan Negeri atau PAS. Sebahagian pengundi berpendapat bahawa isu royalti petroleum tidak lagi menjadi faktor utama dalam menentukan sokongan politik. Mereka lebih menilai prestasi keseluruhan Kerajaan Negeri dalam mengurus ekonomi, kebajikan, infrastruktur dan peluang pekerjaan. Mereka juga berpendapat bahawa sokongan terhadap PAS hanyalah disebabkan tiada pilihan lain selain sokongan terhadap BN atau UMNO dan menganggap bahawa isu ini merupakan satu-satunya isu yang diperjuangkan PAS. Keadaan sedemikian yang menyebabkan parti politik ini dapat dikategorikan sebagai parti yang berasaskan perkauman, nilai kemanusiaan, dan ideologi tertentu (Muhammad Khairul & Junaidi 2023). Kesannya, PAS mungkin kehilangan sokongan daripada pengundi yang sudah muak dengan retorik berpanjangan dan mahukan penyelesaian konkrit dalam isu lain yang lebih memberi kesan langsung kepada kehidupan rakyat.

Akhir sekali, terdapat 40 peratus responden menyatakan tidak pasti tentang pengaruh isu royalti petroleum terhadap kelebihan PAS dalam pilihan raya akan datang. Kumpulan ini menunjukkan wujudnya ketidakpastian dalam kalangan pengundi mengenai sejauh mana keberkesanan PAS memanfaatkan isu royalti petroleum sebagai modal politik pilihan raya. Sebahagian mereka mungkin menunggu perkembangan semasa sebelum membuat keputusan, contohnya melihat sama ada terdapat perubahan dalam pendirian kerajaan pusat atau kemajuan rundingan berkaitan royalti sebelum pilihan raya berlangsung. Oleh itu, keputusan daripada golongan ini boleh berubah-ubah.

Menurut YB Dato Dr. Haji Alias bin Razak (Ahli Parlimen Kuala Nerus), beliau menyatakan bahawa:

“Insyaallah saya rasa isu royalti ni bila rakyat sudah paham dan tau bahawa apa yang berlaku kerana kezaliman Kerajaan Pusat, keaniayaan pada rakyat Tranung. Sebabtulah kita dokleh nok samakan dengan zaman silam bende ni. Sekarang ni medsos, berita dia dapat kita counter attack dengan cepat. Rakyat sudah faham, takat ni saya turun rakyat takdok mengeluh sangat lah dengan apa yang kita mampu, kita bantu mereka diorang pun paham kalau kita dokleh bantu macam dulu lagi. Saya tengok permohonan-permohonan pun banyok jugok untuk dapat bantuan-bantuan. Insyaallah rakyat akan masih bersama dengan kita dalam pilihan raya ke-16 kekgi.”

(YB Dato Dr’ Haji Alias bin Razak, 24 Mac 2025)

Menurut Puan Fazilah (Pengundi DUN Seberang Takir), beliau menyatakan bahawa:

“Betul memang bagi kelebihan pada Kerajaan PAS. Isu ni sedikit sebanyak akan pengaruh sokongan atau peratusan undi rakyat kepada parti pemerintah untuk PRU hok akan datang kekgi. Dok kira mana-mana parti politik yang memerintah Terengganu sekarang ni, sama ada PAS dokpun BN, pemerintah akan mendapat sokongan lebih rakyat Terengganu kalau mereka menegakkan keperluan dan hak rakyat Terengganu lah.”

(Puan Fazilah, 28 Februari 2025)

Menurut Encik Baihaqi (Pegawai Pentadbiran Kanan DUN Seberang Takir), beliau menyatakan bahawa:


“Saya rasa memang akan dapat kelebihan ke kerajaan kita sekarang. Ada jugok Dr Sam kata dalam sidang DUN, boleh kata setiap kali dalam sidang tu Dr Sam akan wak naik sokmo isu ni.”

(Encik Baihaqi, 20 Mac 2025)

4.3.2 Halangan Kemajuan Pembangunan Infrastruktur dan Sosioekonomi

Hasil kajian mendapati bahawa sebahagian pengundi di DUN Seberang Takir memberi tanggapan bahawa Kerajaan PAS kurang cekap atau tidak berupaya untuk membawa perubahan yang diharapkan walaupun mereka mendakwa memperjuangkan hak negeri. Ketiadaan hasil pembangunan yang bersifat nyata di kawasan mereka menyebabkan pengundi mula membandingkan prestasi kerajaan semasa dengan pentadbiran terdahulu khususnya di bawah Barisan Nasional (BN). Dalam konteks DUN Seberang Takir yang pernah menjadi kubu terkuat BN sebelum dijatuhkan oleh PAS pada PRU-15, tidak mustahil pengundi di kawasan ini akan beralih arah semula ke pentadbiran sebelumnya pada PRU-16 akan datang. Namun begitu, tidak semua pengundi di kawasan ini terpengaruh dengan hujah tersebut. Kejatuhan BN di DUN Seberang Takir bukan sahaja kerana faktor sekatan wang royalti mahupun pembangunan infrastruktur yang agak perlahan, terdapat juga faktor-faktor lain yang mampu menjadi hujah sebahagian pengundi DUN Seberang Takir tidak akan beralih sokongan kepada BN dan PH pada PRU-16 akan datang.

Isu royalti petroleum bukan sekadar persoalan hak negeri, tetapi turut memberi kesan langsung terhadap pembangunan ekonomi, penyediaan infrastruktur awam, peluang pekerjaan dan kebajikan rakyat. Sekiranya Kerajaan Negeri dilihat gagal membawa pembangunan yang memuaskan akibat kekurangan sumber kewangan, pengundi mungkin mula mempersoalkan keupayaan Kerajaan Negeri mengurus tadbir negeri secara berkesan. Bahagian ini membincangkan tentang adakah kegagalan Kerajaan PAS dalam pembangunan mampu mengubah sokongan pengundi pada PRU akan datang.



RAJAH 4: Kegagalan Kerajaan Negeri Terengganu/PAS dalam pembangunan infrastruktur dan sosioekonomi akibat sekatan wang Royalti Petroleum oleh Kerajaan Persekutuan menyebabkan sokongan pengundi boleh beralih arah kepada BN+PH dalam pilihan raya umum akan datang (peratus)

Sumber: Soal selidik 2025

Berdasarkan Rajah 4, sebanyak 12 peratus responden bersetuju bahawa kegagalan Kerajaan Negeri Terengganu atau PAS dalam pembangunan infrastruktur dan sosioekonomi akibat sekatan

wang royalti petroleum oleh Kerajaan Persekutuan boleh menyebabkan sokongan pengundi beralih arah kepada BN dan PH dalam pilihan raya umum akan datang. Sebilangan kecil pengundi berpendapat bahawa kegagalan membawa pembangunan akibat masalah kewangan mendorong mereka mencari alternatif kepimpinan yang lebih mampu mengurus hubungan dengan kerajaan pusat, sekali gus menjamin kestabilan kewangan negeri. Sebagai contoh, ada pengundi yang percaya bahawa kerajaan campuran BN dan PH mungkin lebih efektif kerana hubungan yang baik dengan kerajaan pusat dapat mempercepatkan penyaluran dana pembangunan, memudahkan projek infrastruktur, serta menarik lebih banyak pelaburan. Namun begitu, hanya sebilangan kecil yang bersetuju dengan kenyataan ini dan membuktikan bahawa bukan wang royalti petroleum semata-mata yang memberi kesan terhadap pembangunan di bawah pemerintahan Kerajaan PAS.

Selain itu, terdapat 38 peratus responden tidak bersetuju bahawa kegagalan kerajaan negeri akibat sekatan royalti akan menyebabkan sokongan beralih kepada BN dan PH. Kumpulan ini tetap yakin bahawa kerajaan negeri pimpinan PAS tidak seharusnya dipersalahkan sepenuhnya atas kekangan pembangunan kerana sekatan royalti petroleum adalah disebabkan oleh campur tangan kerajaan pusat. Pengundi ini melihat Kerajaan Persekutuan sebagai punca utama kekangan kewangan negeri dan bukan disebabkan kegagalan atau kelemahan kerajaan negeri PAS sendiri. Oleh itu, undi terhadap PAS akan kekal utuh dalam kalangan penyokong tegar yang menganggap PAS masih berjuang demi hak negeri walaupun berdepan halangan politik pusat.

Akhir sekali, 50 peratus responden menyatakan tidak pasti sama ada kegagalan pembangunan akibat sekatan royalti akan menyebabkan pengundi beralih sokongan. Responden menyatakan bahawa mereka semestinya tidak boleh meramalkan adakah sokongan rakyat akan beralih daripada PAS ke PH dan BN hanya disebabkan oleh sekatan wang royalti. Namun begitu, kegagalan pembangunan di kawasan kajian juga disebabkan oleh Kerajaan Pusat yang menyekat wang royalti. Jika Kerajaan Pusat telus untuk membantu Terengganu meningkatkan pembangunan di negeri itu, sudah semestinya wang Ehsan yang disalurkan terus melalui JPP Terengganu sudah memadai membantu pembangunan Terengganu. Namun, pembangunan masih lagi perlahan jika dibandingkan dengan negeri-negeri di sebelah pantai barat. Di situ sudah terbukti bahawa bukan sepenuhnya kegagalan pembangunan berpunca daripada kelemahan Kerajaan Negeri.

Menurut Cik Aisyah (Pengundi Muda DUN Seberang Takir), beliau menyatakan bahawa:

“Pada pendapat saya, berkemungkinan besar jugoklah berpotensi menyebabkan sokongan pengundi ni beralih arah kepada BN dan PH dalam pilihan raya umum kekgi. Mungkin sebab ada rakyat hok dok puas hati dengan kelemahan pembangunan. Walaupun kerajaan negeri Terengganu memimpin dengan janji untuk memperjuangkan hak royalti petroleum, kekurangan dana dari royalti ini mungkin akan jadi sebab kegagalan dalam pembangunan infrastruktur yang kita boleh tengok secara langsunglah oleh rakyat. Kalu pengundi rasa kemajuan pembangunan ni dok berkembang macam hok diharapkan, mereka mungkin rasa kecewa lah jugok pahtu akan pilih parti yang dianggap lebih mampu untuk bowok perubahan.”

(Cik Aisyah, 27 Februari 2025)

Menurut Puan Fazilah (Pengundi DUN Seberang Takir), beliau menyatakan bahawa:

“Pendapat peribadi saya lah rasanya, berkemungkinan besar dok lah. Sebab sokongan rakyat pada Kerajaan Negeri sekarang bukan setakat sebab isu royalti petroleum je, tetapi jugok gatung kepada isu kelemahan pemerintah Kerajaan Pusat pun jadi faktor jugok undi rakyat Terengganu atau sokongan rakyat Terengganu berpihak kepada Kerajaan PAS.”

(Puan Fazilah, 28 Februari 2025)

4.5 Perbincangan

Isu royalti petroleum bukan sahaja menjadi perdebatan antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan, tetapi turut mempengaruhi corak pemikiran dan kecenderungan politik dalam kalangan pengundi. Implikasi tahap pengetahuan pengundi tentang isu royalti petroleum berada pada tahap sederhana dapat diukur dengan kadar pengetahuan ilmu politik mereka. Walaupun pengundi menyedari kewujudan isu ini dan kepentingannya kepada negeri, mereka masih kurang jelas tentang mekanisme pengagihan royalti termasuk aspek perundangan, perjanjian antara Petronas dan Kerajaan Negeri serta peranan Kerajaan Pusat. Perkara ini menunjukkan perlunya pendidikan sivik yang lebih menyeluruh bagi meningkatkan kefahaman rakyat terhadap hak ekonomi negeri dan fungsi institusi Kerajaan.

Kedua, isu royalti petroleum telah dipolitikkan oleh pelbagai pihak terutamanya menjelang musim pilihan raya. Parti memerintah di peringkat negeri menjadikan tuntutan royalti sebagai simbol perjuangan hak negeri manakala parti di peringkat pusat menekankan pematuhan perjanjian. Pengundi di DUN Seberang Takir dilihat terbahagi kepada dua kumpulan utama di mana sokongan kepada Kerajaan Negeri atas dasar prinsip dan sokongan kepada Kerajaan Pusat atas dasar pragmatik.

Akhir sekali, impak isu ini juga boleh dilihat berdasarkan corak sokongan politik pengundi. Sebahagian pengundi menyatakan bahawa kekecewaan terhadap kegagalan kerajaan negeri dalam membawa kemajuan fizikal dan sosioekonomi telah mendorong mereka beralih sokongan kepada parti yang dilihat lebih berkuasa di peringkat Persekutuan iaitu BN atau PH. Sebahagian pengundi juga menyatakan bahawa sokongan mereka akan tetap bersama parti politik yang memperjuangkan hak negeri. Menurut Elya dan Junaidi (2021) sokongan orang Melayu terhadap UMNO semakin merosot, majoriti pengundi muda tidak lagi bersama UMNO.

Isu royalti petroleum di negeri Terengganu telah menjadi titik pertembungan antara kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan sejak beberapa dekad yang lalu. Terengganu, yang merupakan salah satu negeri pengeluar minyak utama di Malaysia, telah lama menuntut agar royalti yang diterima dinaikkan dan diagihkan dengan lebih adil. Selama ini, kerajaan Persekutuan hanya memberikan bayaran wang ihsan sebagai pengganti royalti, walaupun pada hakikatnya, negeri tersebut menyatakan bahawa mereka sepatutnya menerima royalti sebenar sebanyak 5% dari hasil pengeluaran minyak di kawasan pesisir mereka. Ketidaksefahaman ini berlarutan, memandangkan kerajaan negeri berpendapat bahawa wang ihsan tidak memberikan mereka hak yang adil terhadap sumber alam yang mereka hasilkan.

Bagi pihak kerajaan Persekutuan, pembayaran wang ihsan dilihat sebagai satu bentuk bantuan khas kepada negeri-negeri pengeluar minyak, dengan alasan untuk menjaga keseimbangan kewangan negara dan memastikan agihan yang lebih saksama di kalangan semua negeri. Kerajaan pusat juga berpendapat bahawa mekanisme royalti hanya dapat dijalankan berdasarkan perjanjian

yang dipersetujui, dan sebarang tuntutan mengenai royalti harus diselesaikan melalui saluran yang lebih formal, termasuk perbincangan antara kedua-dua pihak. Ketegangan ini semakin memuncak apabila kerajaan Terengganu berpendapat bahawa wang ihsan tidak memenuhi keperluan pembangunan negeri tersebut, terutama dalam bidang infrastruktur, pendidikan, dan kesejahteraan rakyat.

Sebagai penyelesaian, terdapat beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan untuk meredakan ketegangan ini. Salah satu penyelesaian yang mungkin adalah dengan meningkatkan kadar royalti yang diterima oleh Terengganu, daripada wang ihsan kepada royalti sebenar yang adil mengikut peratusan yang dipersetujui, seperti yang dilakukan di negeri-negeri pengeluar minyak lain seperti Sarawak dan Sabah. Peningkatan royalti ini dapat memastikan negeri tersebut mendapat manfaat yang lebih setimpal dengan hasil minyak yang dikeluarkan. Penyelesaian ini bukan sahaja memberikan hak yang lebih adil kepada kerajaan negeri, tetapi juga memberi kelegaan kepada rakyat Terengganu yang mungkin merasakan impak langsung daripada hasil minyak yang mereka hasilkan tidak dinikmati sepenuhnya.

Selain itu, kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri Terengganu juga perlu mencari mekanisme pengagihan yang lebih telus dan berkesan. Sebagai contoh, penubuhan sebuah badan pengurusan bersama yang terdiri daripada wakil kerajaan negeri dan pusat boleh membantu dalam menentukan bagaimana royalti dan hasil sumber alam lain diagihkan. Dengan cara ini, kedua-dua pihak dapat memantau dan memastikan bahawa hasil tersebut digunakan untuk manfaat rakyat, terutama dalam pembangunan sosial dan ekonomi negeri. Penubuhan badan ini juga boleh mengelakkan salah faham dan ketidaktelusan dalam pengagihan hasil negeri.

Akhirnya, penyelesaian terbaik adalah dengan menjalinkan semula hubungan yang lebih baik antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri Terengganu. Ini boleh dilakukan melalui dialog yang lebih terbuka dan jujur, di mana kedua-dua pihak boleh mendengar dan memahami tuntutan serta keperluan masing-masing. Jika kedua-dua pihak dapat mencapai persetujuan yang lebih adil mengenai isu royalti, maka ia akan memberi manfaat kepada pembangunan negeri Terengganu dan mengeratkan lagi hubungan antara negeri dan Persekutuan, seterusnya mewujudkan suasana yang lebih harmonis dan sejahtera bagi rakyat Malaysia keseluruhannya.

5. Rumusan dan Cadangan

Kesimpulannya, hasil dapatan menunjukkan pengundi DUN Seberang Takir secara umumnya mempunyai tahap pengetahuan dan kefahaman yang normal berkaitan isu royalti petroleum, namun sebahagian besar masih bergantung kepada maklumat dari media tanpa kefahaman mendalam terhadap struktur perundangan atau dasar. Isu royalti juga telah menjadi bahan politik utama iaitu pengundi melihat perkara tersebut lebih dijadikan sebagai modal kempen daripada diselesaikan secara dasar pentadbiran dan lebih kepada dendam yang tidak akan selesai. Isu ini juga memberi kelebihan sokongan pengundi kepada Kerajaan Negeri dan impak terhadap pembangunan juga terjejas. Sokongan politik pula banyak dipengaruhi oleh kredibiliti calon dan parti yang diyakini. Oleh itu, isu royalti petroleum ini haruslah diselesaikan dengan cara yang lebih profesional agar tiada konflik politik yang timbul yang akan lebih memudaratkan rakyat. Justeru itu, kajian ini merupakan satu sumbangan ilmiah dalam memperkaya ilmu politik, menambah dapatan baharu dalam politik pilihan raya, memberi panduan dalam pelaksanaan dasar kerajaan, menjadi rujukan penting kepada penyelidik akan datang serta berfungsi sebagai bahan bacaan berguna untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang peranan mereka dalam sistem demokrasi.

Penghargaan/Acknowledgements: Pengkaji ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kedekanan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan iaitu Sekretariat Prasiswazah atas kebenaran dan sokongan dalam menjalankan kajian ini yang merupakan sebahagian daripada Latihan Ilmiah tahun 3.

Konflik Kepentingan: Pengkaji tidak mempunyai konflik kepentingan dalam kajian ini.

Rujukan

- Abd Halim Husin. (2025). Akta Pembangunan Petroleum 1974 Kunci Kedaulatan Ekonomi Negara. *Berita Harian*. 7 Mei. <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2025/05/1393204/akta-pembangunan-petroleum-1974-kunci-kedaulatan-ekonomi-negara> (Tarikh akses: 15 Mei 2025)
- Abdullah, I., Hamil, J., & Daud, S. (2018). Budaya politik baru pasca PRU Ke-10: Analisis terhadap transformasi budaya politik Melayu di Terengganu. *Sains Insani*, 3(1), 67-74. Retrieved from <https://sainsinsani.usim.edu.my/index.php/sainsinsani/article/view/26/26>.
- Abdullah, I., Hamil, J., & Daud, S. (2018). Pendekatan Teori Pilihan Rasional: Analisis Terhadap budaya politik Melayu Terengganu. *Sains Insani*, 3(1), 81-91. Retrieved from <https://sainsinsani.usim.edu.my/index.php/sainsinsani/article/view/28/28>.
- Abdullah, I. (2022). Politik pembangunan di Terengganu (1999-2013). *Journal of Administrative Science*, 19(1), 340-352. Retrieved from <https://journal.uitm.edu.my/ojs/index.php/JAS/article/view/2651>.
- Abdullah, I., & Muhammad Syakir. (2023). Seven key state constituencies of Terengganu's politics (1999-2018). *Akademia*, 93(3), 99. Retrieved from <https://www.proquest.com/docview/2925428400?pq-origsite=gscholar&fromopenview=true&sourcetype=Scholarly%20Journals>.
- Amit, Z. (2017). Impak isu royalti minyak Kelantan terhadap hubungan Kerajaan Pusat-Negeri. *Journal Of Social Sciences and Humanities*, 12(2). 339-354. Retrieved from <https://www.proquest.com/docview/2123025379/fulltextPDF/73E59165C43544C2PQ/1?accountid=216056&sourcetype=Scholarly%20Journals>.
- Atar, S., Tang Abdullah, A.R., & Bilcher, B. (2018). Petronas dan Hasil royalti minyak dan gas Sarawak dalam sistem perkongsian pengeluaran. *Jurnal Borneo Arkhailogia*, 3(2), 201-222. Retrieved from <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/article/view/1629/1063>.
- Awang Besar, J. (2019) Perubahan politik dalam pilihan raya umum (PRU) ke-14, 2018 di Malaysia. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 220-232. Retrieved from <https://core.ac.uk/download/pdf/287728175.pdf>.

- Alex, G., Tina, S., Tuan, M.L. Shukla, G.P. (2011). Political Economy of the Petroleum Sector in Nigeria. Policy Research Working Paper (5779) 2011. Anjuran: The World Bank, African Region, Public Sector Reform and Capacity Building Unit, 1 August.
- Alias. Razak. (2025). Konflik Politik dalam Isu Royalti Petroleum. Temu Bual, 24 Mac.
- Andrew, C., Maureen, L. & Johannes, U. (2014). Instruments of political control: National oil companies, oil prices and petroleum subsidies. *Comparative Political Studies*, 48(3). Retrieved from <https://journals.sagepub.com/doi/abs/10.1177/0010414014543440#biographibi>
- Aniefion, E.I., Udo, J.I., Margaret, U.I. & Sunday, W.P. (2013). Petroleum exploration and production: Past and present environmental issues in the Nigeria's Niger Delta. *American Journal of Environmental Protection*, 1(4), 78-90.
- Kamarozaman, N.E.S., & Awang Besar, J. (2021). Pandangan Pengundi Terhadap Kerajaan Negeri Terengganu dan Kerajaan Persekutuan di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Besi, Dungun, Terengganu. *JURNAL WACANA SARJANA*, 5(3), 1-29. Retrieved from <https://journalarticle.ukm.my/19770/1/418-Article%20Text-576-1-10-20220701.pdf>.
- Neves, G. (2018). Political and economic challenges of petroleum dependency in Timor-Leste. Dlm. Judith, M.B. (Editor). *The Promise of Prosperity*, hlm. 63-84. Acton, Australia: The Australian National University.
- Nur Diyana Sofiah & Awang Besar, J. (2022). Partisipasi dan persepsi pengundi luar bandar dalam politik pilihan raya: Kajian kes di kawasan DUN Ajil, Hulu Terengganu. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(5), 1-17. Retrieved from <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/508/421>.
- Padlee, S.F., & Mohd Yaakop, M.R. (2024). The politics of Federalism: Oil royalty claim of Sabah. *International Journal of Religion*, 6(5). 101-110. Retrieved from <https://ijor.co.uk/ijor/article/view/3959/2085>
- Terry, L.K. (2022). Petroleum and political pacts: The transition to democracy in Venezuela. *Latin American Research Review*, 22(1), 63-94. Retrieved from <https://www.cambridge.org/core/services/aop-cambridge-core/content/view/8AD4FF351BC075F3CF96C9234373612A/S0023879100016435a.pdf/petroleum-and-political-pacts-the-transition-to-democracy-in-venezuela.pdf>.
- Zawawi, H.Y., Mohd Yaakop, M.R., Zakaria, J., & Zakaria, A. (2018). Analyzing petroleum royalty demand by the Kelantan State Government against the Federal Government. *International Journal of Advanced Scientific Research and Management*, 3(2). 93-97. Retrieved from https://ijasrm.com/wp-content/uploads/2018/02/IJASRM_V3S2_485_93_97.pdf.
- Zolkipli, Z.I., & Bakar, B. (2024). DUN Terengganu tolak Akta Laut Wilayah 2012 Hadkan Sempadan Maritim Negeri. *Berita Harian*. 25 April. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1239181/dun-terengganu-tolak-akta-laut-wilayah-2012-hadkan-sempadan-maritim> (Tarikh akses: 15 Mei 2025).

Zolkipli, Z.I., & Bakar, B. (2024). Terengganu Tunggu Baki Royalti Petroleum bagi 2023. *Berita Harian*. 25 April.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1239089/terengganu-tunggu-baki-royalti-petroleum-bagi-2023> (Tarikh Akses: 15 Mei 2025).